



**MEMO ANTARA BAHAGIAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN  
HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**

No. Telefon : 07-2257000 samb. 2907

No. Faks : 07-2242694

<b>RUJ. FAIL</b>	HSAJB/98J/3.2/KEW/400-193 (15)	<b>TARIKH</b>	18 Disember 2025
<b>KEPADA</b>	SEPERTI EDARAN	<b>Salinan Kepada :</b> 1) TPH (PEMBEDAHAN) 2) TPH (PERUBATAN) 3) TPH (PENGURUSAN) 4) KPP (KEW) - sila pantau tuntutan anggota supaya mematuhi tatacara	
<b>DARIPADA</b>	PENGARAH HOSPITAL		
<b>PERKARA</b>	EDARAN: ELAUN BERTUGAS SELEPAS WAKTU PEJABAT DI KLINIK KESIHATAN DAN KLINIK RAWATAN PESAKIT DI JABATAN KECEMASAN HOSPITAL (ELAUN LOKUM)		

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KSU KKM) telah mengeluarkan surat rujukan KKM.500-8/2/34 Jld.2(17) bertarikh 10 Disember 2025 berkaitan Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit Di Jabatan Kecemasan Hospital (Elaun Lokum). Surat edaran ini menerangkan beberapa perkara berikut:

- 2.1. **Waktu operasi bagi Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat di Jabatan Kecemasan** bagi Hari Bekerja Biasa dipanjangkan bermula dari jam 5 petang hingga 12 malam. Sementara Hari Rehat Mingguan (Sabtu), Hari Kelepasan Mingguan (Ahad) dan Hari Kelepasan Am waktu operasi kekal dari jam 8 pagi hingga 12 malam.
- 2.2. **Kadar tuntutan Elaun Lokum** yang merangkumi Hari Bekerja Biasa, Hari Rehat Mingguan (Sabtu), Hari Kelepasan Mingguan (Ahad) dan Hari Kelepasan Am **maksimum sehingga 8 (lapan) jam bertugas sehari** sepertimana jadual di bawah:

Bil.	Skim perkhidmatan	Kadar
(i)	Pegawai Perubatan	RM80 sejam terhad maksimum 8 jam bertugas sehari.
(ii)	Pegawai Farmasi	RM25 sejam terhad maksimum 8 jam bertugas sehari.
(iii)	Juru X-ray (dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	RM25 sejam terhad maksimum 8 jam bertugas sehari.

Jadual 1: Kadar Bayaran Elaun Lokum

2.3. Senarai hospital dan klinik kesihatan telah diperluaskan sepertimana di Lampiran A dan B surat edaran ini.

3. Sehubungan dengan itu, **borang dengan format terkini akan digunapakai berkuatkuasa 1 Januari 2026 (mulai tuntutan bulan Januari)**. Surat edaran ini perlu dibaca bersama Garis Panduan Tuntutan Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital (Elaun Lokum) Bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (Pengurusan Dan Profesional) di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru bertarikh 5 Februari 2025. Garis panduan dan borang tuntutan dengan format terkini juga boleh didapati di laman web <https://jknjohor.moh.gov.my/hsajb/>. Dengan ini surat edaran KKM terdahulu rujukan KKM.500-8/2/34 Jld.2(11) bertarikh 15 Mac 2024 adalah dibatalkan.

4. YBrs. Dr/Tuan/Puan hendaklah memastikan perkara ini dimaklumkan kepada pegawai di bawah seliaan jabatan. Kerjasama dan perhatian YBrs. Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ni amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DR. MOHAMAD NIZAM BIN HJ. SUBAHIR)

E-mel : [drmohdnizam@moh.gov.my](mailto:drmohdnizam@moh.gov.my)

Samb.: 2800